

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERPISAHAN
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. IR. HAJI FADHALI HAJI ZAKARIA
PADA HARI ISNIN, 28 JULAI 2008
DI DEWAN BANKUET, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PUKUL 1.00 TENGAH HARI**

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Diraikan Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali bin Haji Zakaria;

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainudin bin Othman
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor-profesor,
Dekan-dekan,
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum warahmatullah
dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita telah berpeluang untuk bersama-sama dalam majlis ringkas yang penuh erti dan makna pada hari ini.
2. Majlis pada tengah hari ini diadakan, bagi meraikan seorang *associates* kita iaitu Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali bin Haji Zakaria yang akan tamat tempoh pinjaman beliau di Universiti ini pada 15 September 2008.

APRESIASI KEPADA PROFESOR IR. DR. HAJI FADHALI BIN HAJI ZAKARIA

3. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam salah satu tulisannya, Johann Paul Friedrich Richter (1763-1825), seorang penulis masyhur dari Jerman menyatakan:

“Man's feelings are always purest and most glowing in the hour of meeting and of farewell.”

Kampus UMP ini bolehlah dianggap sebagai rumah kedua kita. Dan pada saya, para *associates* yang ada di kampus ini bukan hanya seorang rakan, tetapi saudara kita dalam keluarga besar UMP ini. Hari ini kita sekalian bersama merasa terharu kerana salah seorang daripada rakan dan saudara kita akan berpisah dengan Universiti ini.

4. Kesibukan dengan tugas seharian dan pelbagai komitmen menyebabkan kita terasa dan adakalanya tidak perasan bahawa waktu begitu pantas berlalu. Sesingkat itu jugalah tempoh pinjaman Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali bin Haji Zakaria yang mula bertugas di UMP mulai 16 September 2006 dan akan berakhir pada 15 September 2008 yang akan datang.
5. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UMP, Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali telah banyak memberikan sumbangan terhadap kemajuan, perkembangan dan pembangunan Universiti ini. Pengalaman luas beliau sebagai ahli akademik di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh UMP sepanjang dua tahun perkhidmatan beliau sebagai Profesor di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) di Universiti ini. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar) di FKASA mulai 1 April 2007. Seterusnya, beliau telah diberi kepercayaan

untuk memimpin FKASA sebagai Dekan Fakulti tersebut mulai 1 Jun 2007 hingga kini.

6. *Memory is a way of holding onto the things you love, the things you are, the things you never want to lose.* Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali amat dikenali sebagai seorang yang begitu dedikasi dan *passionate* terhadap tugas dan tanggungjawabnya, berpegang teguh pada prinsip dan pada masa yang sama memiliki *humorous sense*. Kepada anak-anak buah beliau iaitu para staf di FKASA, Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali akan dikenang sebagai seorang Dekan dan ketua yang begitu *down to earth* dan *understanding*, bijak berperanan sebagai seorang fasilitator dan pembimbing, terutamanya kepada staf-staf muda dan baharu. Manakala bagi anak-anak didik beliau iaitu para pelajar di FKASA, Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali akan dikenang sebagai seorang Dekan, Profesor dan ayah yang amat mesra dan kasih kepada para pelajar.

7. Sifat sendiri beliau sebagai seorang yang boleh dibawa berbincang, *easy-going* dan sentiasa berusaha untuk mempermudah urusan serta tidak menyusahkan orang yang menghadapi masalah dan kesusahan adalah kualiti diri yang perlu dicontohi dan diteladani oleh kita semua. Beliau juga adalah seorang yang percaya kepada prinsip “berani kerana benar”. Atas prinsip itu, beliau kadangkala dilihat agak vokal dalam perkara-perkara tertentu. Namun saya percaya, keberanian beliau untuk bersuara

disandarkan sepenuhnya atas profesionalisme seorang ahli akademik. Perbezaan pendapat adalah sesuatu yang lumrah di Universiti dan apa yang penting ialah kebijaksanaan kita dalam mengutarakan pendapat dan *how to agree to disagree*.

HARAPAN

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada kesempatan ini, saya mewakili seluruh warga UMP merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali di atas sumbangan dan komitmen beliau sepanjang tempoh perkhidmatan di Universiti ini. Kita berdoa, semoga Allah Taala akan terus melimpahkan rahmat dan peliharaan-Nya kepada Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali dan keluarga, dipanjangkan usia, diberikan kesihatan tubuh badan dan ditambahkan ilmu pengetahuan bagi manfaat agama, bangsa dan negara.

9. Pastinya kita semua akan merindui jenaka-jenaka dan gelak tawa Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Fadhali selepas ini. Dengan hati yang berat, perpisahan dengan Yang Berbahagia Profesor kami relakan jua dan Insya-Allah, persahabatan kita tidak akan terhenti di sini dan akan terus

berpanjangan. *"Memories last forever, never do they die. Friends stay together, never say goodbye."* Kita ucapkan Selamat Maju Jaya kepada Yang Berbahagia Profesor.

KATA PENUTUP

10. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.